



Bank Pilihan Anda

Selaras dengan pemulihan ekonomi selepas pandemik yang melanda dunia, Bank Rakyat sedang menjalankan tinjauan bagi mengenal pasti pelanggan yang mempunyai peningkatan kemampuan dan berminat untuk memendekkan tempoh pembiayaan mereka selepas mendapat bantuan bayaran pembiayaan bersasar dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2021.

Sehubungan dengan itu, Bank Rakyat akan menghubungi pelanggan yang telah dikenal pasti untuk mendapatkan maklum balas. Kami amat berharap pelanggan akan memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan tinjauan ini.

**1. Apakah tujuan tinjauan ini dijalankan?**

Tinjauan ini dijalankan untuk mengenal pasti pelanggan yang mempunyai peningkatan kemampuan dan berminat untuk memendekkan tempoh pembiayaan mereka selepas mendapat bantuan bayaran pembiayaan.

**2. Siapakah golongan sasaran untuk menyertai tinjauan ini?**

Golongan yang disasarkan adalah pelanggan Bank Rakyat yang pernah menerima bantuan bayaran pembiayaan bersasar semasa tempoh pandemik (dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2021) sebelum ini, tertakluk pada syarat berikut:

- i. Pelanggan yang mempunyai pembiayaan dengan kadar terapung.
- ii. Pembiayaan tidak mempunyai tunggakan semasa tempoh tinjauan dilaksanakan.

**3. Apakah manfaat kepada pelanggan yang menyertai tinjauan ini?**

Pelanggan yang menyertai tinjauan ini berpeluang menyemak semula bayaran ansuran pembiayaan mereka untuk memendekkan tempoh pembiayaan bagi mengurangkan kos keseluruhan pembiayaan.

**4. Bagaimanakah proses tinjauan ini akan dijalankan?**

Pelanggan yang telah dikenal pasti akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau e-mel berkaitan tinjauan ini. Pelanggan yang telah menerima makluman akan dihubungi dalam masa terdekat.



Bank Pilihan Anda

**5. Adakah keputusan tinjauan ini akan mengakibatkan perubahan kepada pembiayaan saya secara automatik?**

Tidak. Tinjauan ini hanya bertujuan bagi mengumpul maklumat pelanggan yang berminat untuk menyemak semula bayaran ansuran pembiayaan mereka. Pelanggan yang berminat akan dihubungi semula setelah tinjauan ini selesai dijalankan dan Bank akan memberikan maklumat terperinci berkaitan pembiayaan pelanggan. Perubahan kepada pembiayaan hanya akan berlaku setelah pelanggan menandatangani surat persetujuan untuk perubahan tersebut.

**6. Adakah terdapat sebarang kos yang perlu ditanggung oleh pelanggan berkaitan perubahan bayaran pembiayaan tersebut?**

Tiada sebarang kos dikenakan.

**7. Adakah perubahan tersebut akan dikategorikan sebagai penjadualan semula dalam rekod Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) pelanggan?**

Tidak. Bagaimanapun, rekod CCRIS pelanggan adalah bergantung kepada rekod bayaran ansuran pembiayaan pelanggan.

**8. Bagaimanakah pelanggan boleh menghubungi Bank jika mempunyai pertanyaan lanjut berkaitan tinjauan ini?**

Pelanggan yang mempunyai pertanyaan lanjut berkaitan tinjauan ini boleh menghubungi talian 1300 800 800.